

'Pakej rangsangan kedua wajar dilaksanakan segera'

B. H 15/01/09 M15 21

Penganalisis unjur dana RM10b diperlukan pada suku kedua

Oleh Kamarulzaidi Kamis
kamarulzaidi@bharian.com.my

AHLI ekonomi menganggarkan kerajaan perlu menyediakan pakej rangsangan kedua bernilai antara RM7 bilion hingga RM10 bilion selewat-lewatnya suku kedua tahun ini bagi membolehkan ekonomi negara mencatatkan pertumbuhan antara dua hingga tiga peratus pada 2009.

Ketua Ahli Ekonomi RAM Holdings Bhd, Dr Yeah Kim Leng, berkata suntikan fiskal secara segera dan penurunan kadar faedah akan membantu negara mengharungi tempoh paling mencabar pada separuh pertama tahun ini susulan daripada kegawatan ekonomi global yang bakal menjejaskan eksport.

"Pakej rangsangan pertama (diumumkan pada November lalu) hanya mewakili satu peratus daripada nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia, masih rendah berbanding suntikan negara lain yang umumnya antara 4-5 peratus daripada nilai KDNK mereka.

"Kami menganggarkan antara RM7 bilion hingga RM10 bilion diperlukan bagi pakej



kedua, mewakili tambahan satu peratus lagi daripada nilai KNDK, khususnya dalam sektor yang memberi kesan segera kepada ekonomi," katanya selepas majlis pelancaran Laporan Pembangunan Bank Dunia di Putrajaya semalam.

Yeah berkata, kebimbangan mengenai peningkatan defisit susulan pakej rangsangan itu perlu diketepikan kerana tumpuan utama adalah merangsang pertumbuhan ekonomi dalam jangka pendek bagi mengelak pertumbuhan negatif ekonomi pada suku pertama atau pun kedua tahun ini.

"Ekonomi negara berkembang pada kadar 4.7 peratus pada suku ketiga 2008 dan

“Kemungkinan berlaku pertumbuhan negatif pada satu suku tahun ini, bagaimanapun bagi keseluruhan tahun masih positif”

Dr Yeah Kim Leng
Ketua Ahli Ekonomi RAM Holdings Bhd

dijangka tumbuh pada kadar kurang empat peratus bagi suku keempat, sebelum terus perlahan pada suku pertama dan kedua tahun ini. Bagi keseluruhan tahun pula, kadar pertumbuhan pada kadar 2-3 peratus adalah lebih realistik (jika pakej rangsangan dan penurunan kadar faedah dilaksanakan)," katanya.

Ketua Pengarah Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia, Dr Mahani Zainal Abidin, ketika dihubungi pula berkata, kerajaan perlu melaksanakan pakej rangsangan kedua selewat-lewatnya suku kedua tahun ini.

"Pertumbuhan ekonomi suku pertama dan kedua dijanga-

ka perlahan. Pakej rangsangan kedua perlu dilaksanakan segera, selewat-lewatnya menjelang Mac bagi menampunkan kesan penurunan eksport.

"Pakej rangsangan itu pula tidak harus bertumpu kepada infrastruktur saja. Beberapa perkara lain yang memberikan kesan segera perlu diambil kira, termasuk insentif melatih semula pekerja yang kehilangan punca pendapatan dan insentif kepada syarikat supaya tidak membuang kakitangan," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Pusat Kajian Dasar Awam, Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli), Tan Sri Ramon Navaratnam, berkata kementerian yang terbabit dalam projek dicadangkan dalam pakej rangsangan pertama perlu menyegerakan pelaksanaannya bagi membolehkan kerajaan menentukan keperluan pakej kedua.

"Suntikan fiskal pertama yang sepatutnya bermula pada 1 Januari lalu harus dilaksanakan segera dan pakej kedua perlu ditumpukan kepada sektor yang memberi kesan pengandaan lebih besar kepada ekonomi termasuk membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS)," katanya.